

Persidangan Kebangsaan Pemindahan Teknologi 2015

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) akan menganjurkan Persidangan Kebangsaan Pemindahan Teknologi.

■ Persidangan bertemakan Inovasi Teknologi Pemangkin Pembangunan Agropreneur diadakan Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak 7 hingga 9 April 2015.

■ Penganjur bersama adalah Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Pertanian, FAMA, Jabatan Perika-

nan, TEKUN, LKIM, Jabatan Veterinar, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (MPIB), MARA dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

■ Objektif penganjuran persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada agen pembangunan pertanian di Malaysia mengenai penyelidikan dan inovasi terkini.

■ Ia juga memberi pendedahan kepada saintis mengenai isu dan cabaran yang dihadapi oleh

pegawai pembangunan di lapangan.

■ Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dan impak penyelidikan dan pembangunan di dalam pelbagai aspek pemindahan teknologi termasuk kefahaman teknologi, kefahaman metodologi pembangunan dan sosiobudaya setempat dalam pemindahan teknologi.

■ Menampilkan kemampuan serta kerjasama MARDI-Agensi Pengem-

banan dalam bidang Pemindahan Teknologi.

■ Menjalinkan jaringan kerjasama saintis dan penyelidik dengan agen atau agensi pembangunan.

■ Sektor pertanian dan industri asas tani adalah salah satu daripada tiga enjin pertumbuhan ekonomi utama negara menyumbang kepada jaminan bekalan.

■ Namun demikian, dalam mendepani cabaran memastikan pengeluaran makanan mencuku-

pi, berkualiti, selamat dan kompetitif dalam pasaran terbuka memerlukan tahap penggunaan teknologi dan inovasi yang mantap dan menyeluruh.

■ Tidak dapat dinafikan bahawa pemindahan teknologi bakal menjadi penghalang kepada penggunaan teknologi dan golongan sasar di lapangan dan akhirnya membantutkan pertumbuhan sektor pertanian ke arah lebih kompetitif.

■ Sesi pembentangan

kertas kerja membabitkan 'Inovasi Teknologi Dalam Sektor Agromakanan, Pemindahan Dan Pengkomersialan Agroteknologi, Inovasi Pemasaran Agro Makanan dan Kejayaan Pemindahan Agroteknologi.

■ Peserta persidangan dijangka membabitkan individu atau kumpulan yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam aktiviti pemindahan teknologi pertanian dan industri asas tani.